

Konsep Kejatuhan Peradaban Malek Bennabi dan Realiti Sejarah Pasca Muwahhidun

Malek Bennabi's Concept of the Decline of Civilization and the Historical Reality of the Post-Muwahhidun Era

Muhamad Amirul Asyraf Ahmad Kamal Zulkhairi^{a*}, Norsaleha Mohd Salleh^a, Syarul Azman Shaharuddin^a, Rosli Mokhtar^b

^a*Faculty of Islamic Civilisation Studies, Selangor Islamic University, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia*

^b*Faculty of Syariah & Law, Selangor Islamic University, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia*

**Corresponding author: 21MT04006@postgrad.uis.edu.my*

Article history

Received: 2025-04-22 Received in revised form: 2025-10-17 Accepted: 2026-01-07 Published online: 2026-02-28

Abstract

This study explores Malek Bennabi's thoughts on the decline of civilizations and evaluates his ideas against the historical realities of the post-Muwahhidun era. The concept of civilizational decline stems from Bennabi's understanding of the speculative philosophy of history, which aims to uncover universal historical laws to explain the fall of Islamic civilization. Bennabi's framework emphasizes the cyclical nature of civilizations, driven by the interaction between the realm of man, the realm of ideas, and the realm of objects. By comparing Bennabi's perspective with thinkers such as Ibn Khaldūn and Arnold Toynbee, the study highlights the strengths and weaknesses of his framework in interpreting civilizational dynamics. Through a critical analysis of the post-Muwahhidun era, the study examines the factors behind the decline of civilization, including colonizability (*Qabiliyah Li Isti'mar*), the distortion of religious ideas, and the erosion of social networks and cultural crises that contributed to the fall of Islamic civilization. Extending Bennabi's theory of civilizational decline with a focus on the post-Muwahhidun era, his assertions are evaluated against historical developments such as the cultural and intellectual achievements in Andalus and the Ottoman Empire. These historical realities challenge his claims of total stagnation in Islamic civilization after the Muwahhidun period. The findings highlight the importance of contextualizing Bennabi's critique within broader historical realities and affirm the potential of his ideas for addressing contemporary challenges in civilizational revival.

Keywords: Malek Bennabi, decline of civilizations, philosophy of history, post-Muwahhidun, historical reality

Abstrak

Kajian ini meneroka pemikiran Malek Bennabi mengenai kejatuhan peradaban dan pertimbangan ideanya diatas neraca realiti sejarah era pasca-Muwahhidun. Idea kejatuhan peradaban ini bertitik tolak dari asas kefahaman Bennabi mengenai falsafah sejarah spekulatif yang melihat kepada aspek mencari undang-undang universal sejarah dengan tujuan memahami mengapa peradaban Islam jatuh. Kerangka pemikiran Bennabi menekankan kitaran peradaban dipacu oleh interaksi diantara alam manusia, alam idea, dan alam objek. Dengan membandingkan perspektif Bennabi dengan pemikir seperti Ibn Khaldūn dan Arnold Toynbee, kajian ini menekankan kekuatan dan kelemahan kerangka pemikirannya dalam mentafsir dinamik peradaban. Melalui analisis kritikal terhadap era pasca-Muwahhidun, kajian ini melihat kepada faktor kejatuhan peradaban akibat dari kebolehan untuk dijajah (*Qabiliyah Li Isti'mar*), penyimpangan idea keagamaan, dan penghakisan jaringan sosial dan krisis kebudayaan yang menyumbang kepada kejatuhan peradaban Islam. Realiti sejarah ini mencabar dakwaan beliau mengenai stagnasi total peradaban Islam selepas era Muwahhidun. Penemuan kajian ini menyerlahkan keperluan untuk meletakkan kritikan Bennabi dalam konteks realiti sejarah yang lebih luas dan mengesahkan potensi idea beliau dalam menangani cabaran kontemporari untuk kebangkitan peradaban.

Keywords: Malek Bennabi, kejatuhan peradaban, falsafah sejarah, pasca-Muwahhidun, kritikan sejarah

1.0 PENDAHULUAN

Wacana kejatuhan dalam kalangan pemikir Islam, khususnya pada era *Nabdah* (kebangkitan), mula berkembang dengan menggunakan kerangka konsep civilization atau peradaban sebagai satu unit analisis terhadap masyarakat, sejarah dan realiti semasa. Idea ini merupakan hasil pertembungan dengan epistemologi moden Barat dan turut dipengaruhi oleh gerakan pemikiran orientalis, yang memperkenalkan mod pengetahuan tersendiri dalam penulisan sejarah Islam (Cooperson, 2017). Kemasukan konsep *civilization* ke dalam wacana pemikir Arab-Islam dan nasionalis pada abad ke-19 dan ke-20 telah mengubah cara sejarah Islam difahami dan ditafsirkan.

Salah satu manifestasi penting daripada pengaruh orientalisme adalah naratif *Golden Age*, yang meletakkan era Abbasiyyah sebagai kemuncak kegemilangan peradaban Islam. Kegemilangan ini, menurut mereka, diukur berdasarkan pencapaian dalam bidang sains tabii, pembangunan teknologi, dan ketamadunan material secara keseluruhan (Cooperson, 2017). Justeru, perbandingan keadaan masyarakat Arab-Islam semasa dengan era kegemilangan tersebut menjadi asas kepada naratif kejatuhan yang dikembangkan oleh para sarjana Barat, lalu mempengaruhi sebahagian besar wacana sejarah dunia Islam.

Namun demikian, naratif yang berasaskan kayu ukur material ini kemudiannya mencetuskan reaksi balas daripada tokoh-tokoh pemikir Islam seperti Malek Bennabi dan Abul A'la Maududi. Mereka cuba mendepani naratif orientalis ini dengan memperkenalkan tafsiran yang berakar daripada epistemologi Islam (Sherif, 2018). Dalam konteks ini, Malek Bennabi tampil dengan satu kerangka pemikiran falsafah sejarah yang berpaksikan al-Quran untuk menilai fenomena bangun dan jatuhnya sesuatu peradaban. Usaha Bennabi bukan sekadar mengkritik naratif Barat, bahkan cuba menyusun semula pemahaman tentang sejarah Islam dengan mengalihkan tumpuan daripada pencapaian material semata-mata kepada kekuatan spiritual, intelektual dan nilai peradaban yang lebih menyeluruh (Benlahcene, 2024).

Kejatuhan peradaban Islam dikatakan bermula ketika penjajahan Eropah pada abad ke 18 dan 19 manakala dunia Arab pula sudah tidak memiliki kekuasaan politik pasca kejatuhan Baghdad pada tahun 1258 dan merasakan bahawa mereka telah lama terjajah (Abu Lughod, 1963). Namun, Malek Bennabi (1999) melihat kejatuhan ini bermula lebih awal iaitu selepas kejatuhan kerajaan Muwahhidun di Andalus pada sekitar abad ke 12. Beliau melihat keruntuhan dunia Islam secara keseluruhan selepas kejatuhan Muwahhidun yang juga dinamakan *insan ba'da badarah* atau manusia pasca peradaban dan manusia pasca Muwahhidun (Bennabi, 1997). Artikel ini merencanakan wacana mengenai konsep kejatuhan peradaban dengan meneliti pandangan Malek Bennabi mengenainya. Kajian ini juga akan menyumbang kepada kajian mengenai sebahagian aspek pemikiran Malek Bennabi yang belum diteliti iaitu mengenai konsep kejatuhan peradabannya secara khusus. Justeru kajian ini akan melihat kepada asas idea kejatuhan peradaban Bennabi dari aspek pembentukan idea falsafah sejarah beliau serta analisis *historical-sociology* beliau dalam peradaban. Artikel ini juga meneliti ketepatan pembinaan teori Bennabi berdasarkan realiti sejarah yang menjadi latar belakang pembinaan teori Pasca-Muwahhidun beliau.

2.0 NOMOLOGI SEJARAH

Perbahasan mengenai pola atur gerak sejarah dalam bahasa Greek disebut *Nomos* adalah satu ilmu mengenai sebab dan akibat (*causality*) dan tentang kewujudan suatu aturan. Dalam nomologi, perbahasan akan melihat persoalan mengenai alam dan sains tabie sebagai adanya kewujudan suatu keteraturan dalamnya. Perkara ini kemudian diaplikasi dalam melihat sains kemanusiaan. Dalam hal ini, terdapat dua pandangan berbeza. Pandangan pertama yang melihat adanya satu kesatuan alam (*uniformity of nature*) diantara alam tabie dan alam manusia (sains kemanusiaan). Mereka ini dari

golongan determinisme. Manakala golongan interdeterminisme pula adalah golongan yang melihat ilmu alam dan sains tabie mempunyai hukum yang tetap akan tetapi sains kemanusiaan ini bersifat bebas dan tidak terikat dengan hukum alam (Rahman, 2009).

Persoalan mengenai asas sejarah sepanjang kehidupan manusia ini akan dilatari oleh persoalan mengenai adanya satu corak perubahan yang tetap dalam abstrak sejarah. Ahli falsafah seperti Plato (427—347 B.C), Aristotle (384-322 B.C), Ibn Khaldūn (1332-1406), Spengler (1880-1936) dan Vico (1668-1744) melihat bahawa sejarah dunia ini boleh diketahui oleh manusia corak sejarahnya dan mampu diubah (Doren, 1967). Persoalan mengenai kejatuhan peradaban manusia dalam sejarah dilihat kepada dua kategori iaitu mereka yang melihat sejarah sebagai satu bentuk kemunduran yang abadi tidak boleh diubah. Yang kedua adalah mereka yang melihat sejarah sebagai satu kitaran jatuh bangun yang boleh diubah sejarahnya.

Ddalam kategori kedua ini pula terdapat dua bahagian iaitu mereka yang melihat kitaran ini berbentuk determinism dan sebaliknya. Mereka yang berpegang kitaran ini berbentuk determinism melihat bahawa sejarah jatuh bangun ini adalah satu proses yang berada di luar kawalan kehendak manusia. Maka manusia sepanjang sejarah tertakluk kepada proses perubahan ini. Bagi kumpulan kedua, sejarah kitaran peradaban ini tidak bersifat determinism dimana mereka melihat bahawa suatu kitaran sejarah itu mampu berkekalan tempoh zaman emasnya atau 'golden age'.

Dalam falsafah sejarah di dunia Islam, Ibn Khaldūn (1332-1406) merupakan pemikir falsafah sejarah pertama dan digambarkan berada di dalam kelompok determinism dalam melihat kitaran jatuh bangun sejarah ini seperti yang disebut oleh Badrane Benlahcene (2011). Pandang alam Islam dalam melihat sejarah dan masa adalah berdasarkan konsep kitaran serta menekankan nilai yang positif dan tingkah laku yang berterusan dan gigih. Pandang alam Islam dalam konsep sejarah melihat kepada keseimbangan pembangunan roh dan bentuk luaran yang seimbang (Davutoglu, 1994). Pandangan Ibn Khaldūn (1332-1406) dalam melihat sejarah dan sosiologi penting kerana Bennabi banyak dipengaruhi pandangannya terhadap sejarah melalui idea Ibn Khaldūn (Bennabi, 2000). Walaupun begitu, pandangan Bennabi tentang sejarah sedikit berbeza di mana beliau melihat pendekatan unit analisis sejarah Ibn Khaldūn terhad kepada dawlah (negara). Bennabi (1986) berpandangan bahawa negara itu adalah produk kepada sejarah dan unit analisis dalam sejarah haruslah melihat peradaban sebagai ukuran dalam sejarah. Selain itu, Bennabi juga berbeza pandangan dengan Ibn Khaldūn dalam melihat kitaran Sejarah, sama ada proses ini terbuka atau telah ditentukan.

Ibn Khaldūn yang melihat sejarah berdasarkan organisma kehidupan manusia melihat kitaran sejarah ini telah ditentukan hayat serta prosesnya dan cerapan beliau dilihat sebagai determinis oleh Badrane Benlahcene (2011). Pandangan ini telah disangkal oleh Barbara Stowasser (1984) yang menyatakan Ibn Khaldūn (1332-1406) bukan determinis kerana Ibn Khaldūn (1332-1406) berpandangan proses sejarah ini bersifat terbuka prosesnya. Proses ini dapat dilanjutkan hayatnya berdasarkan faktor kekuatan ruh agama dalam asabiyyah dan negara. Di sini pandangan Bennabi terhadap Ibn Khaldūn dilihat sedikit tersasar dalam membezakan antara keterbukaan dalam melihat proses sejarah itu berlaku. Pandangan Ibn Khaldūn sangat penting kerana ideanya menjadi batu asas kepada pemikir di barat atau dunia Islam dalam mengembangkan teori sosiologi dan falsafah sejarah dalam melihat masyarakat dan peradaban (Berghout, 2015). Pemikir barat seperti Arnold J Toynbee (1889-1975), Jose Ortega Gasset (1883-1955) dan pemikir Islam seperti Mustafa Nai'ma (1655-1716), Kâtip Çelebi (1609-1657), Ibn al-Azraq (1427-1491), Muhammad Iqbal (1877-1938) malah Malek Bennabi terkesan dengan idea Ibn Khaldūn sama ada dalam aspek pemikiran sejarah, sosiologi dan politik. Kerana ini pemikiran Ibn Khaldūn wajar dilihat asas kepada idea Bennabi dalam pemikiran sejarah dan sosiologinya.

3.0 KONSEP KEJATUHAN PERADABAN

Kejatuhan peradaban adalah satu perkara yang telah berlaku dalam sejarah peradaban manusia. Peradaban misalnya Aztec, Mesir Purba, Germanic, Athens, Greek, Mesopotamia, Rom, Parsi serta Islam ternyata telah mengalami kejatuhan sama ada secara total atau telah berubah kepada satu bentuk yang lain. Menerusi karya seperti Arnold J Toynbee (1889-1975), kita dalam melihat bahawa daripada 21 peradaban dunia yang wujud, sehingga kini hanya berbaki 7 sahaja di mana yang lain itu telah jatuh dan hilang. Malek Bennabi pula didalam siri karyanya *Musykilah Hadarah* ataupun Persoalan Peradaban berusaha untuk meneliti persoalan mengenai mengapa suatu peradaban itu boleh runtuh dan mengapa dunia Islam jatuh.

Konsep kejatuhan menjadi satu perbincangan secara ilmiah dengan pengenalan idea *societal collapse* dalam buku *The Collapse of Complex Society* oleh Joseph Tainter (1988). Persoalan mengenai kejatuhan ini menjadi tanda tanya kerana dalam sejarah barat berlaku pengulangan dalam kejatuhan masyarakat yang maju dan kompleks. Perjalanan sebuah masyarakat kompleks yang dilihat kukuh namun akhirnya runtuh menjadi persoalan penting pada masa kini. Walaupun zaman moden ini masyarakat dilihat mempunyai ketahanan lebih tinggi namun kemungkinan mengalami nasib yang serupa dengan masyarakat lalu wajar dilihat dan dikaji.

Konsep kejatuhan ini dapat diamati dengan lebih dekat melalui idea Arnold Toynbee yang menjadi landasan kepada takrifan mengenai kejatuhan peradaban, di mana sebuah peradaban itu digambarkan seperti sebuah organisma yang mempunyai jangka hayat dan melalui undang-undang biologikal yang semula jadi. Selain itu takrifan Edward Gibbon (1737-1794) pula mengenai kejatuhan adalah keruntuhan nilai sivik suatu peradaban dan masyarakat yang menyebabkan kejatuhan terus sebuah kerajaan (Pocock, 1976). Koselleck (2002) memilih terma *senectus* dari bahasa Latin yang memberi maksud ‘terlalu tua’ dalam menggambarkan konsep kejatuhan. Terlalu tua ini menandakan sebuah empayar yang telah mencapai tahap penuaan dan titik akhir masyarakatnya. Melalui ketiga-tiga takrifan ini dapat disimpulkan kejatuhan merupakan suatu teori dalam sejarah yang melihat kepada sebab kepada keruntuhan sebuah peradaban atau negara.

Konsep kejatuhan dalam sejarah adalah satu idea yang lahir daripada satu konsep yang utama iaitu idea yang menjadi lawan kepada kefahaman mengenai idea kemajuan. Idea kejatuhan ini merupakan sebahagian dari idea mengenai corak pergerakan sejarah (Doren, 1967) sama ada dalam bentuk yang melihat kemunduran(*regress*) dari kemajuan atau kitaran jatuh bangun(*cyclical*) sejarah. Konsep kejatuhan ini merupakan sebahagian dari teori gerak dalam sejarah yang melihat kepada persoalan gerak dan perubahan dalam sejarah (Rahman, 2009). Persoalan dalam teori ini adalah bagi melihat kepada bagaimana pergerakan di dalam sejarah boleh berlaku sama ada hukum gerak (*law of historical movement*) atau pola sejarah (*pattern*). Dalam idea gerak sejarah ini terdapat dua idea utama mengenai perubahan sejarah iaitu secara lurus(*linear*) atau secara gerak kitaran (Doren, 1967)

3.1 Terminologi Kejatuhan Peradaban

Idea kejatuhan atau ‘*decline*’ ini merujuk kepada beberapa konsep seperti decadence theory, *cycle of history* ataupun *Fin de siècle* (pengakhiran abad). Konsep ini adalah rangkuman teori mengenai alam dan makna masa (Herman, 2011). Idea mengenai kejatuhan ini dapat dilihat contohnya dalam pemikiran Greek yang melihat *chronos* (masa) sebagai satu kitaran yang digelar anakuklosis. Antara yang terawal menggunakan konsep ini iaitu Polybius (200-118 B.C) dalam menggambarkan kitaran sistem politik dari tiga bentuk asas iaitu demokrasi, aristokrasi dan monarki kepada oklokrasi, oligarki dan tirani. Selain itu di era *Enlightenment* idea ini dapat dilihat dalam pemikiran Alexis De

Tocqueville (1805-1859) yang melihat dan menolak teori kemajuan dan membawa idea bahawa sejarah adalah berbentuk *regress* (Rahman, 2009).

Idea kejatuhan ini dalam pemikiran barat mula berkembang kembali sementelah dari abad *Romanticism*. Abad ini dilihat sebagai satu fasa pemikir di barat mula pesimis terhadap masa hadapan peradaban barat tatkala kemusnahan serta impak revolusi industri terhadap peradaban mereka. Pemikiran ini merupakan lawan kepada idea kemajuan yang didokong oleh mereka seperti Hegel (1770-1831), Hobbes (1588-1679), Saint Simon (1760-1825) dan Comte (1798-1857). Namun dalam idea kejatuhan ini juga terdapat dua idea yang berbeza iaitu mereka yang melihat sejarah kejatuhan ini dalam bentuk kemunduran abadi dan keruntuhan dalam kitaran yang tidak abadi (Doren, 1967).

Idea kemunduran ini diwakili oleh pemikir seperti Jean-Jacques Rousseau (1712-1778). Rousseau melihat bahawa manusia ini asalnya berada dalam keadaan semula jadi yang sihat dan bebas kerana merasa cukup dengan keterhadan kewujudannya. Apabila saat manusia mula merosot mereka menjadi bergantung kepada inovasinya yang baharu serta keinginannya semakin melemah. Ini akhirnya menjadikan manusia hamba kepada peradaban yang mereka cipta dan akhirnya tidak bebas (Doren, 1967). Bagi idea kejatuhan dalam pemikiran golongan yang percaya pada adanya corak sejarah dan kitarannya mempunyai pandangan berbeza. Idea kejatuhan dalam kitaran sejarah akan memperlihatkan adanya pembaharuan atau suatu kebangkitan setelah kejatuhan sebuah peradaban. Malah dalam idea kitaran ini, ada pada mereka yang melihat bahawa kitaran dan kejatuhan itu boleh dilewatkan keruntuhannya seperti Ibn Khaldūn (Stowasser, 1984).

Bennabi memilih dengan cermat perkataan kejatuhan peradaban dengan menggunakan istilah *décadence* dalam bahasa perancis dan *Inbitat* dalam bahasa arab. Penggunaan istilah *décadence* ini dilihat sebagai cerminan kepada pemahaman yang terbit dalam kelompok falsafah perancis. Idea mengenai *décadence* muncul lewat abad ke-19 yang melihat kepada permasalahan keruntuhan masyarakat dari aspek kesenian ataupun moral. Bennabi bagaimanapun melihat idea ini dengan makna peradabannya iaitu sebagai satu aspek yang memutuskan peradaban dari satu pergerakan (Bennabi, 1999). Dengan memilih perkataan *décadence*, Bennabi secara sedar memberi makna bahawa kejatuhan itu bukan sekadar aspek kesenian mahupun moralnya. Bennabi juga membezakan apa yang dimaksudkannya mengenai *décadence* ini dengan tuduhan oleh H.A.R Gibbs bahawa umat Islam secara keseluruhannya berhadapan dengan masalah pemikiran atomism (Bennabi, 1992).


3.2 Konsep Pergerakan dan Kitaran Sejarah Peradaban Malek Bennabi

Di dalam sejarah peradaban, manusia dilihat sebagai penggerak kepada sejarah dan masyarakat. Manusia itu adalah penggerak dan pencipta sejarah (Bennabi, 1979). Manusia yang bergerak maka masyarakat dan sejarah juga akan bergerak. Manakala apabila manusia itu berhenti, masyarakat dan sejarah itu juga akan berhenti (Bennabi, 1979). Manusia yang sakit secara pemikiran, ruhnya dan tidak berdaya menganjak peradaban akan mempengaruhi sejarah peradabannya dan ini digelar sebagai manusia pasca-Muwahhidun (*Insan Ba'da Muwahhidun*) (Bennabi, 1986). Keadaan kejatuhan ini dilihat dalam bentuk sejarah yang mempunyai jatuh dan bangunnya dan disebut sebagai kitaran sejarah peradaban (Benlahcene, 2011). Ahmet Davutoğlu menyokong pandangan Bennabi mengenai asas sejarah sebagai satu kitaran peradaban. Beliau melihat bahawa asas teoretikal ini dapat dilihat berdasarkan gambaran al-Quran tentang peristiwa sejarah. Sejarah dalam al-Quran membahaskan berkenaan kebangkitan dan kejatuhan peradaban tanpa menekankan sebarang tempoh masa tertentu (Davutoğlu, 1994).

Malek Bennabi melihat bahawa sejarah peradaban bukan hanya semata-mata fakta mengenai peristiwa yang berlaku. Beliau melihat bahawa sejarah peradaban ini mempunyai suatu fenomena yang perlu diteliti berkaitan hukum-hukum Allah S.W.T (Bennabi, 1986). Bennabi melihat bahawa hukum-hukum Allah ini yang menentukan kitaran jatuh bangun sebuah peradaban (Bennabi, 1986). Dalam pandangan beliau mengenai falsafah sejarah yang melatari artikel ini, Bennabi melihat bahawa sejarah pergerakan peradaban ini boleh diperhatikan melalui kosmologi alam (1986) :-

Jika diperhatikan diperhatikan segala sesuatu dari sudut kosmologi (kawniyyah), maka kita akan dapat perhatikan pergerakan peradaban itu seperti mana pergerakan matahari. Seakan-akan ianya bergerak mengelilingi bumi.

Hakikat mengenai pergerakan sejarah ini disebut sebagai proses kitaran peradaban (*sunnah tadarrunul badari*) dan perlu kepada penelitian yang mendalam (Syihab, 2003). Pergerakan sejarah ini juga disebut Bennabi dengan beberapa istilah lain seperti fenomena peradaban, fenomena kitaran, kitaran peradaban (Bennabi, 1986).



Rajah 1 Kitaran Peradaban Malek Bennabi

Bennabi (1991) mengagaskan idea sejarah peradaban beliau dengan melihat bahawa peradaban ini terdapat tiga peringkat kitarannya. Rajah 1 menunjukkan kitaran peradaban Malek Bennabi. Peringkat pertama merupakan peringkat kelahiran dan kenaikannya di dalam rajah ditunjukkan dari O ke A. Peringkat kedua merupakan fasa apabila peradaban itu berkembang dan makmur, peringkat ini dilihat dari titik A ke titik B. Peringkat ketiga iaitu peringkat keruntuhan dan kejatuhan titik ini merupakan dari titik B ke titik C (Bennabi, 1991). Dalam ketiga fasa itu, Bennabi melihat bahawa ada tiga perkara yang melambangkan setiap satu fasa tersebut iaitu roh, akal dan naluri. Fasa pertama peradaban itu iaitu kelahiran sebuah masyarakat itu berlaku dengan bermulanya idea agama yang muncul dan mendorong roh manusia untuk berfungsi. Roh ini akan menguasai segenap aspek kehidupan individu dan masyarakat dan roh ini menjadi pelonjak kepada masyarakat (Bennabi, 2003).

Bennabi (2003) menggambarkan fasa ini dari perspektif psikologi sebagai keadaan dalam bentuk fitrahnya. Di fasa ini manusia dan masyarakat akan secara fitrahnya menolak sebarang keadaan yang kaku dan lebih suka dengan keadaan dinamik dan bergerak. Fasa roh ini akan disusuli oleh fasa seterusnya iaitu fasa rasional atau akal. Fasa ini adalah fasa apabila berlakunya perkembangan peradaban dan perluasan peradaban. Di dalam keadaan ini juga, peradaban tersebut akan mula menunjukkan kelesuannya dan masalah material yang dihadapi. Bennabi mengambil contoh dalam sejarah di mana kerajaan Abbasiyyah mengalami tentangan dalaman daripada Dinasti Aghlabid di Afrika. Krisis-krisis seperti ini menurut Bennabi adalah satu tanda beban kelesuan yang dibawa dalam fasa rasional sebuah peradaban. (Bennabi, 2003). Fasa rasional ini, kekuatan idea keagamaan akan mula meluntur daripada penguasaan terhadap naluri. Fasa ini dilihat seolah mempunyai paradoks dalam pemikiran Bennabi iaitu adanya sedikit kelunturan dalam psikologi individu namun masyarakat akan terus berkembang maju (Bennabi, 1986). Kekuatan dalam fasa ini sebenarnya banyak didorong oleh tenaga dan kekuatan kepercayaan agama dalam fasa sebelumnya iaitu pada fasa roh. Di peringkat terakhir pula iaitu fasa naluri adalah fasa di mana naluri manusia telah bebas sepenuhnya dari kawalan roh dan akal. Dalam fasa ini, agama tidak lagi mampu berperanan menganjak serta berfungsi di dalam masyarakat.

“The three phases of this cycle are representative of three stages which a civilization undergoes in the process of its evolution. The complete stage in which all the human qualities and talents are subject to the control of the spirit (faith or soul), thus being guided by the considerations which are of metaphysical nature. The second stage where all qualities and talents of the individual are particularly under the control of reason, thus being oriented toward tackling the practical problems of life. The third and last stage represents the complete disintegration of those qualities and talents when they become, under the dominance of the instinct, freed from the tutorship of both spirit and reason. At this stage, no common activity is by any means possible, for it is chaos and anarchy that actually prevail” (Bennabi, Islam in History and Society, 1999)

Terjemahan: Tiga fasa dalam kitaran ini mewakili tiga peringkat yang dilalui oleh sesuatu tamadun dalam proses evolusinya. Peringkat pertama ialah tahap yang lengkap di mana semua sifat dan bakat manusia berada di bawah kawalan roh (iman atau jiwa), justeru dipandu oleh pertimbangan yang bersifat metafizik. Peringkat kedua ialah apabila semua sifat dan bakat individu berada khususnya di bawah kawalan akal, lalu diarahkan untuk menyelesaikan masalah kehidupan yang bersifat praktikal. Peringkat ketiga dan terakhir ialah peringkat keruntuhan sepenuhnya terhadap sifat dan bakat tersebut apabila ia, di bawah pengaruh naluri, bebas daripada bimbingan roh dan akal. Pada tahap ini, sebarang bentuk kegiatan bersama tidak lagi mungkin berlaku, kerana kekacauan dan anarki yang sebenarnya menguasai keadaan.

Dalam gambaran kitaran sejarah peradaban, Bennabi (1991) mempunyai sedikit pandangan yang berbeza berbanding Ibn Khaldūn iaitu Bennabi melihat proses kitaran sejarah peradaban Islam sebagai satu proses keseluruhan dunia Islam berbanding Ibn Khaldūn yang melihat proses kitaran itu dalam kaca mata proses masyarakat di dalam sebuah dinasti atau kekuasaan pemerintahan. Ini juga mencerminkan idea Bennabi yang mahu melihat sejarah dunia sebagai sejarah Peradaban. Maka krisis kejatuhan peradaban Islam dilihat secara keseluruhannya dan bukan krisis politikal keruntuhan dinasti atau kerajaan semata-mata.

4.0 IDEA KEAGAMAAN DAN KEJATUHAN PERADABAN

Bennabi menamakan fasa kejatuhan peradaban sebagai pasca-Muwahhidun (*Post al-Muwahhidun*). Bagi Philip Chiviges Naylor (2006), konsep dan istilah ini merupakan idea besar utama yang sepatutnya diberikan perhatian dalam meneliti idea Bennabi. Manusia Pasca-Muwahhidun ini adalah manusia yang telah kehilangan segala kehendak daya kecurigaan, daya persoalan serta kesedaran sejarah dan sosialnya. Bagi Bennabi, ini adalah asas kepada kejatuhan peradaban yang menjadikan kesukaran untuk peradaban bangkit serta perkara ini membolehkan dunia Islam dijajah.

Keruntuhan peradaban Islam dan penjajahan Barat terhadap dunia Islam menimbulkan perasaan curiga Malek Bennabi tentang keadaan yang sedang dihadapi oleh umat Islam. Malah persoalan yang dibangkitkan beliau dalam risalah penulisan mementingkan persoalan mengapa dan bagaimana peradaban Islam ini jatuh dan bagaimana untuk bangkit kembali. Kerana ini siri penulisan dinamakan sebagai *Musykilah al-Hadarah* iaitu Persoalan Peradaban. Idea kejatuhan peradaban Malek Bennabi tidak terletak dalam kategori idea falsafah sejarah *progress* seperti Hegel, Comte dan Marx. Ideanya terletak dalam kutub pemikiran falsafah sejarah yang melihat kejatuhan sebagai satu kitaran peradaban (Benlahcene, 2016). Malah idea kejatuhan Malek Bennabi seharusnya diletakkan dalam konteks peradaban sebagai sebuah unit analisis dalam melihat sejarah. Idea kejatuhan peradaban Bennabi ini bukan antitesis kepada idea kemajuan tetapi merupakan satu proses dalam keruntuhan sebuah peradaban dengan faktor-faktornya tersendiri.

Konsep pensejarahan Malek Bennabi banyak dipengaruhi oleh aliran pemikiran Ibn Khaldūn dalam penulisan beliau. Malek Bennabi menyatakan bahawa beliau tidak sekadar melihat sejarah sebagai sekadar satu peristiwa yang berlaku secara terasing dan tersendiri tanpa adanya satu sejarah batin yang melatarinya. Beliau menyatakan bahawa perlunya dilihat *raison d'être* atau sebab utama segala perkara yang berlaku di sebalik sejarah panjang dunia (Benlahcene, 2016). Malek Bennabi agak kritikal terhadap pandangan sejarah yang sekadar menghimpunkan penulisan dan catatan peristiwa tanpa membina satu gagasan serta metodologi besar yang memberikan satu penjelasan rasional berkenaan peristiwa yang berlaku tersebut (Bennabi, 1981).

Malek Bennabi melihat bahawa idea penulisan tanpa perkembangan penjelasan secara rasional ini hampir tidak berlaku dari zaman Thucydides (460BC) sehingga ke penulis sejarah Perancis terkenal Francois Guizot (1787-1874). Guizot dikenali dengan syarahan beliau yang dibukukan bertajuk *The History Of Civilization in Europe*. Daripada syarahan dan kuliah beliau, beliau memberikan satu interpretasi baharu terhadap sejarah dengan penjelasan yang dilihat menggunakan metode sejarah yang rasional dan saintifik.

Masalah peradaban menjadi tumpuan dan penelitian bagi Malek Bennabi (1986) dalam penulisan beliau berhubung kejatuhan peradaban. Maka dalam penulisan beliau peradaban menjadi satu unit analisis terhadap komponen serta aspek jatuh bangun peradaban dan masyarakat. Konsep kejatuhan Bennabi tidak boleh dipisahkan dari makna dan kefahaman beliau mengenai peradaban. Masalah yang dihadapi dalam setiap bangsa bagi Bennabi adalah adalah masa peradabannya ;

The problem of every nation, in its essence, is its civilization. Therefore, it is not possible for anyone to comprehend and resolve his/ her problems, if he does not elevate his thought and capacities to the level of great human affairs and speculate deeply in order to understand the factors that construct and deconstruct civilizations. (Bennabi1986)

Terjemahan: Masalah setiap bangsa, pada hakikatnya, ialah masalah tamadunya. Oleh itu, adalah mustahil bagi seseorang untuk memahami dan menyelesaikan permasalahannya sekiranya ia tidak mengangkat pemikiran dan keupayaannya ke tahap persoalan-persoalan agung kemanusiaan serta merenung secara mendalam untuk memahami faktor-faktor yang membina dan meruntuhkan sesuatu tamadun. (Bennabi, Shurūt Nahḍah, 1986)

Dalam melihat kejatuhan peradaban, satu aspek penting adalah idea keagamaan sebagai titik pemangkin juga penggerak sejarah peradaban. Bagi Bennabi, agama yang dimaksudkan bukan sahaja merujuk kepada Islam. Agama menurutnya adalah semua agama, kuasi-agama (segala yang melambangkan, menyerupai agama) dan ideologi. Takrifan Bennabi mengenai agama menggambarkan ia sebagai apa sahaja yang menghubungkan manusia dengan sebuah kuasa ilahi, semula jadi, atau ideologi yang mengikat komitmen manusia itu terhadap satu pergerakan kemasyarakatan. Agama itu seterusnya akan menjadikan serta menggerakkan masyarakat itu ke arah satu gagasan dan diteruskan oleh generasi seterusnya (Bennabi, 1986).

Pandangan ini menunjukkan bahawa terdapat suatu idea kolektif dan asas yang menggerakkan peradaban. Pandangan Bennabi ini disokong oleh idea Ahmet Davutoglu (1994) yang menyatakan bahawa suatu peradaban itu didasari oleh suatu *ben-idraki* (kesedaran diri) yang kolektif. *Ben-idraki* ini menjadi asas serta berhubung dengan tanggapan dan pemahaman terhadap sejarah peradaban. Kesedaran peradaban ini menjadi asas dalam pergerakan jatuh dan bangun peradaban.

4.1 Hubungan Falsafah Sejarah dan Kejatuhan Peradaban

Dalam pemikiran Bennabi, falsafah sejarah peradaban manusia ini bersifat bergerak secara kitaran(*cyclical*). Bennabi dalam pendekatannya terhadap pergerakan sejarah peradaban dunia mengambil pendekatan *historical-sociology* sebagai cara menilai pergerakan sejarah dengan pergerakan sosial (Al-Quraishiy, 1983). Pendekatan ini menjadi landasannya dalam menilai perhubungan diantara segala pergerakan yang berlaku dalam hubungan sosial masyarakat (Bennabi, 1986). Idea *historical-sociology* ini adalah satu kaedah penyelidikan yang digunakan menggabungkan kaedah sosiologi dan sejarah (Scott, 2014). Kaedah ini digunakan bagi memahami bagaimana masa lalu serta perkembangan masyarakat manusia sepanjang zaman dan kesannya terhadap masa kini (Scott, 2014).

Dengan meletakkan masyarakat sebagai pusat kepada peradaban, dicerap bahawa idea Bennabi berkenaan jatuh dan bangun akan saling berkait dengan kejatuhan sebuah masyarakat. Malah faktor-faktor dan inti idea kejatuhan mesti dilihat juga idea kejatuhan masyarakat dalam peradaban. Tiga perkara yang menjadi elemen asas kepada pembentukan peradaban menurut Bennabi adalah manusia (*insan*) + tanah (*turab*) + masa (*waqt*). Ketiga-tiga ini adalah asas bagi peradaban menurut Bennabi adalah elemen dan serta produk kepada peradaban.

Asas roh yang sihat dan membentuk peradaban itu digambarkan dalam roh Bilal Bin Rabbah. Kisah Bilal Bin Rabbah yang diketahui diseksa kerana menyatakan keimanannya kepada Allah tetap dengan kata-kata “Ahad, Ahad, Ahad” bererti Allah yang Esa (Bennabi, 1986). Salah satu kisah lain yang bagi menggambarkan roh yang sihat adalah kisah seorang wanita yang berzina yang datang berjumpa Nabi S.A.W bagi menyatakan kesalahannya. Beliau menyatakan kemahuannya secara sedar untuk dihukum hudud oleh Nabi S.A.W bagi membalas kesalahannya. Kesedaran roh inilah bagi Bennabi masyarakat Islam yang darah dan dagingnya lahir dari roh yang

sihat (Bennabi, 1986). Bagi Bennabi, roh yang sihat ini adalah era yang menggambarkan awal kelahiran sebuah masyarakat di peringkat pertamanya.

Bennabi mengkritik aliran falsafah sejarah yang menekankan faktor ekonomi sebagai penggerak sejarah di mana aliran ini diketuai oleh mereka seperti Marx ini (Bennabi, 1998). Aliran ini bagi Malek Bennabi tidak mampu untuk menerangkan kerencaman kelahiran sebuah peradaban. Idea ini juga dilihat tidak mampu menerangkan secara keseluruhan bagaimana sebuah peradaban boleh runtuh dan keretakan hubungan sosial masyarakat ketika keruntuhan itu (Benlahcene, 2011). Pemikiran sejarah Bennabi harus difahami hubungannya dengan idea beliau berkenaan peradaban. Kerana bagi Bennabi ontologi sejarah itu wujud hanya dengan adanya peradaban yang berlegar dalamnya (Bennabi, 1986).

Perbezaan antara falsafah sejarah Malek Bennabi dan pemikir lain seperti Toynbee, Hegel, Marx, Vico dan Ibn Khaldūn adalah pada aspek unsur yang menggerakkan sejarah. Bagi Marx, sejarah kemanusiaan ini digerakkan dan dilatari oleh faktor material dan merupakan perseteruan di antara kelas masyarakat. Hegel pula melihat sejarah peradaban manusia ini dilatari oleh usaha manusia merealisasikan kebebasan dirinya serta didorong oleh *Great Men* yang menjadi penggerak sejarah. *Great Men* ini seumpama Napoleon, Julius Caesar yang dilihat Hegel sebagai mereka yang mampu membawa perubahan kepada sejarah dan ke arah matlamat kebebasan kesedaran manusia.

Perbezaan ketara Bennabi adalah dalam melihat sejarah peradaban, beliau melihat bahawa idea keagamaan yang disebut Bennabi sebagai *fikrah dinniyah* menjadi penggerak sejarah peradaban. Idea keagamaan ini menjadi pemangkin kepada bergeraknya peradaban dan pelengkap kepada tiga unsur peradaban Bennabi iaitu Insan, Tanah dan Masa (Bennabi, 1986). Idea ini sedikit berbeza dengan Ibn Khaldūn yang melihat *‘Asabiyyah* sebagai aspek yang menggerakkan jatuh dan bangun negara dalam sejarah dan agama merupakan pendorong atau kembar kepada *‘asabiyyah* dimana agama diperlukan bagi melonjak *‘asabiyyah*. Pandangan ini juga diguna pakai oleh Muhammad Asad (1900-1992) yang menyentuh asas peradaban Islam ini bergerak atas ideologi keagamaan (Asad, 2006). Asad melihat bahawa sekiranya syariah ini dicabut daripada kehidupan harian umat Islam maka akan berlaku peradaban ini akan kehilangan identitinya dan kewujudan sejarahnya. Sepertimana yang berlaku dalam peradaban barat yang memisahkan kehidupan praktikal harian dan agama sehingga kehilangan identiti mereka. Peradaban ini tidak lagi akan menjadi kaku dan tidak mampu melonjak dalam pergerakan sejarah dan kehilangan daya kreatif masyarakat tersebut (Asad, 2006).

Pandangan mengenai kekuatan keagamaan ini disokong juga oleh Muḥammad ‘Abd Allāh Darāz (2024) juga didalam bukunya *al-Din: A Prolegomenon To The Study Of The History Of Religions*. Beliau menyentuh dan menekankan tentang kefungsi agama dalam segala aspek kehidupan masyarakat. Beliau menyokong pandangan bahawa agama adalah asas kepada pergerakan masyarakat dan peradaban. Darāz menyatakan bahawa agama bukan sahaja penting dalam moral, keadilan dan melawan korupsi, tetapi juga sebagai senjata penting dalam kesepaduan masyarakat. Agama itu akan mengikat hati pengikutnya menjadi semakin rapat dan membina perasaan persaudaraan melangkaui bahasa dan bangsa. Pandangan beliau mengukuhkan lagi pandangan Bennabi bahawa agama sebagai pemangkin peradaban dan masyarakat.

4.2 Konsep Tiga Alam dan Kejatuhan Peradaban

Malek Bennabi membina konsep kitaran peradaban beliau berasaskan satu idea yang disebutnya sebagai konsep tiga alam (Syihab, 2003). Beliau membangun teori kitaran peradabannya berasaskan tiga elemen iaitu Alam Kebendaan (*‘alam al-ashya’*), Alam Individu (*‘alam al-asykhas*) dan Alam Idea (*‘alam al-afkar*) (Azmul, 2021). Tiga alam ini bagi Bennabi berkembang dan dilalui oleh

setiap individu dan masyarakat. Namun begitu beliau melihat bahawa terdapat perbezaan dalam proses satu peringkat ke peringkat yang lain di antara individu dan masyarakat. Proses perpindahan antara alam individu itu akan lebih ketara berbanding proses perubahan alam masyarakat (Bennabi, 2003).

4.2.1 Alam Kebendaan (*'Alam al-ashya'*) dalam Manusia

Peringkat alam kebendaan diumpamakan seperti seorang bayi yang baru dilahirkan yang tidak mempunyai pandangan yang jelas. Padaperingkat ini bayi hanya merasakan adanya alam yang terdiri dari kebendaan seperti tangan, jari, kakinya serta lampu-lampu. Bayi masih tidak mengenali ibunya melainkan hanya sebagai tempat bayi mendapatkan susunya. Peringkat ini bayi masih tidak mengenali keberadaan serta kewujudan dirinya sebagai seorang manusia. Dapatan sains yang terkini juga menyokong pandangan Bennabi ini bahawa bayi yang berumur dari 0-8 bulan mempunyai pandangan yang kabur (Hyvärinen et al, 2014).

4.2.2 Alam Figura (*'Alam al-asykhas'*) dalam Manusia

Bayi yang kecil setelah mula membesar akan mula boleh mencerap sekelilingnya dengan mula mengenali wajah ibu bapanya kemudian adik beradik serta ahli keluarga terdekatnya. Di alam ini, seorang bayi itu akan mula merasa takut dengan kehadiran orang sekeliling yang tidak dikenalnya. Bagi Bennabi (2003), beliau melihat penulisan Carl Jung (1875-1961) yang menafsirkan psikologi manusia yang *extrovert* akan lebih cepat menangkap dan mengenali manusia berbanding mereka yang *introvert*.

4.2.3 Alam Idea (*'Alam al-Afkar'*) dalam Individu

Setelah mencapai satu peringkat umur 6 tahun, kanak-kanak akan mula boleh mencerap dan mula membangunkan alam idea. Alam idea ini hanya akan dilalui setelah melalui proses alam kebendaan dan alam individu. Ketika di alam ini, kanak-kanak akan mula boleh memahami konsep yang lebih abstrak dan menyelesaikan masalah. Di alam ini kanak-kanak akan mula berusaha bersungguh-sungguh menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Bennabi (2003) menggambarkan setelah satu tempoh berusaha dan apabila kanak-kanak itu berjaya menyelesaikan masalah itu, mereka akan merasakan seperti detik Archimedes yang menyebut perkataan *Eureka!*. *Eureka* iaitu melambangkan satu pencapaian dan kejayaan menyelesaikan satu masalah dengan sendirinya. Ketika inilah menurut Bennabi (2003) kanak-kanak itu telah bermula berintegrasi dengan masyarakat dan bermula proses penyesuaian sosial mereka.

Setelah mencapai alam ini manusia itu akan kekal di alam idea dan terus dalam proses kematangan, penuaan sehingga sedikit demi sedikit meninggalkan alam idea ini. Bennabi melihat bahawa sepanjang hayat manusia ketiga-tiga alam ini akan sentiasa wujud bersama. Yang membezakan adalah salah satu dari alam ini akan diutamakan bergantung kepada individu dan jenis masyarakat manusia itu berasal. Setelah mencapai umur tua, manusia akan seolah-olah bergerak ke belakang dalam proses alam ini iaitu mereka akan mula meninggalkan alam idea kerana telah hilang daya kreatif dan kebijaksanaannya. Kemudian manusia akan mula meninggalkan alam figura kerana di fasa ini mereka sudah tidak bergaul dengan manusia dan tidak mepedulikan orang lain. Akhir sekali mereka akan meninggalkan alam kebendaan kerana sudah tidak bermaya dan tidak memerlukan kebendaan ini. Bagi Bennabi (2003), inilah antara proses kitaran manusia dalam individu sehingga kematiannya.

4.3 Konsep Tiga Alam dan Dinamik Masyarakat

Ketika mana manusia itu hidup secara bermasyarakat mereka akan mula berusaha untuk mencapai suatu matlamat. Ketika dalam proses ini terdapat interaksi tiga elemen masyarakat iaitu alam

manusia, alam idea dan alam kebendaan. Bagi Bennabi ketiga-tiga alam ini memainkan peranannya dalam pergerakan sejarah (Bennabi, 2003).

4.3.1 Alam Manusia dan Masyarakat

Dalam pembinaan masyarakat, langkah pertama yang perlu diambil dalam perubahan masyarakat adalah mengubah seorang manusia daripada keadaan individu kepada seorang peribadi manusia (*person*). Masyarakat ketika ini membentuk peraturan dan cara hidup yang bertepatan dengan nilai-nilai di 'alam manusia'. Masyarakat ketika ini belum memiliki kebebasan berfikir kerana bergantung kepada figura yang membentuknya. Bennabi memisahkan di antara apa yang dimaksudkannya dengan individu dan *personnes* (manusia). Seorang individu adalah *disintegrated man* yang tidak berupaya untuk merealisasikan tugas peradabannya. Manakala *personnes* adalah manusia *integrated man*. Alam manusia adalah daripada kategori *personnes* ini menurut Bennabi (2003).

4.3.2 Alam Idea dan Masyarakat

Bennabi menggambarkan bahawa alam idea ini seperti sebuah cakera yang dibawa oleh individu semenjak mereka lahir. Cakera ini akan berbeza daripada satu masyarakat ke masyarakat yang lain. Alam idea ini mempunyai asas *archetype* iaitu satu pemikiran yang diwarisi dalam pemikiran separa sadar individu. Alam idea ini akan menentukan ciri-ciri dan karakter sebuah masyarakat yang membezakannya dengan budaya dan peradaban yang lain. Alam idea ini terdiri daripada dua komponen iaitu *impressed* dan *expressed idea*. *Impressed idea* bermaksud sebuah falsafah yang universal yang khusus yang asing bagi sebuah masyarakat. Idea ini sebagai sebuah kerangka pemikiran akan menjadi pemandu nilai serta etika masyarakat itu dari luar. *Expressed idea* pula yang bermaksud metode, ilmu dan intelektual yang terzhahir melalui *impressed idea*.

4.3.3 Alam Kebendaan dan masyarakat

Alam objek ini akan memberikan alat, saluran, sumber alam dan instrumen yang diperlukan untuk menjalani proses pemeradaban. Alam objek ini mempunyai dua kepentingan. Alam objek ini akan memberikan keperluan material untuk pegerakan sejarah sesebuah masyarakat. Kedua, alam objek ini akan menyatakan kedudukan sesebuah masyarakat dalam proses pemeradaban.

Berasaskan idea tiga alam, Bennabi (2003) membina idea kitaran sejarah peradaban beliau berasaskan analisis bersifat psikososilogi bagi menjelaskan dinamika kitaran peradaban. Beliau membahagikan kitaran peradaban ini kepada tiga fasa pada peringkat masyarakat pula iaitu fasa pra peradaban(*pre-civilized*), fasa peradaban(*civilized*), dan fasa pasca peradaban(*post-civilized*). Fasa pra peradaban adalah keadaan di mana masyarakat belum mula proses peradabannya. Mereka ketika di fasa ini tidak mampu untuk menjadi penggerak sejarah dan tidak mampu memainkan peranannya dalam perkembangan peradaban. Dalam fasa ini masyarakat tidak mampu melaksanakan peranan sebagai pencipta sejarah dan melalui proses peradaban. Ini adalah kerana pada fasa ini masyarakat masih pasif dan tidak ada daya tenaga yang melonjaknya ke fasa berikutnya. Fasa ini dilihat Bennabi individunya sebagai manusia semula jadi (*Homonatura*).

Perumpamaan yang diambil Bennabi adalah seperti golongan badwi Arab sebelum memeluk agama Islam. Mereka tidak mempunyai misi dan visi sebelum dari adanya satu idea keagamaan dalam diri mereka. Mereka hanya akan berfikir dalam kerangka kaum kelompok mereka serta amalan harian mereka tanpa adanya visi besar. Namun mereka ini dalam keadaan *homonatura* dan bersedia menerima kehadiran Nabi Muhammad S.A.W membawa mereka ke dalam satu kitaran peradaban dan mengalami proses peradaban (Bennabi, 2002). Golongan ini memiliki

elemen asas Insan, Tanah dan Masa yang lengkap namun tiada anjakan kuat dari satu idea keagamaan yang menjadi pemangkinnya.

Peristiwa ini juga dapat dilihat dalam kebangkitan kerajaan Uthmaniyyah dan Seljuk. Mereka bermula sebagai kelompok kaum Turk yang badwi dan tidak melonjak sehingga ketibaan idea keagamaan yang menjadi pemangkin kemajuan mereka dalam sejarah kitaran peradaban. Namun kelompok ini tidak dipandang oleh Bennabi (2002) dalam analisisnya mengenai kitaran peradaban. Malah Bennabi (1999) melihat fasa abad ini sebagai sebahagian dari keseluruhan era kejatuhan peradaban Islam, kehilangan daya kreatif, serta idea keagamaan yang tidak menjadi pemangkin. Namun begitu, teori Bennabi ini tidak dapat menjelaskan fenomena realiti kebangkitan beberapa lagi kelompok sesudah dari era pasca Muwahhidun.

5.0 FAKTOR KEJATUHAN PERADABAN MENURUT MALEK BENNABI

5.1 Keretakan Jaringan Hubungan Sosial Masyarakat

Bagi memahami pergerakan peradaban dan hubungannya dengan falsafah sejarah, Malek Bennabi melihat bahawa terdapat kepentingan untuk memahami takrif masyarakat terlebih dahulu. Dalam memahami kejatuhan sebuah peradaban dan hubungkaitnya dengan masyarakat, persoalan mengenai asal usul sebuah masyarakat akan menjadi perbincangan utama. Persoalan ini akan membawa kepada pemahaman tentang bagaimana hubungkait keruntuhan sebuah masyarakat itu akan bertindak balas dengan keruntuhan sebuah peradaban (Patria, 2020). Malek Bennabi berusaha untuk membawa pengertian berbeza kepada makna manusia sebagai makhluk sosial. Beliau melihat pernyataan ini tidak dapat menjelaskan mengapa manusia boleh berusaha hidup secara kolektif.

Di sini Bennabi sedikit berbeza dengan sarjana Barat seperti McDougall iaitu beliau melihat bahawa naluri perkumpulan bukan sebab sebenar kepada pembentukan sebuah masyarakat (Bennabi, 2002). Bennabi melihat bahawa semangat perkumpulan hanyalah sebagai jalan kepada mencapai matlamat bukan sebagai asas kepada pembentukan sebuah masyarakat. Bagi Bennabi takrifan tentang idea masyarakat ini yang utama adalah bagi melihat cara untuk membaiki dan membina kembali masyarakat Muslim dari zaman kejatuhan. Kerana ini idea Bennabi tentang masyarakat penting bagi memahami aspek idea kejatuhan peradaban menurutnya. Tanpa pemahaman tepat tentang idea masyarakat Bennabi, sukar untuk memahami konteks serta idea kejatuhan Bennabi.

Malek Bennabi sedikit berbeza dalam melihat takrifan semasa mengenai pengertian masyarakat menurut sosiologis di zamannya. Takrifan masyarakat secara amnya adalah sekumpulan manusia yang dapat dibezakan daripada perkumpulan yang lain berdasarkan kehendak yang serupa, budaya yang sama dan institusi yang dikongsi. Menurut Campbell (1981), masyarakat itu adalah keseluruhan jaringan hubungan manusia di dalam kelompok yang besar yang berkongsi budaya yang sama dan cara hidup yang sama. Tetapi bagi Bennabi, pandangan takrifan masyarakat sebegini hanyalah pandangan yang deskriptif dan tidak menerangkan fungsi sosial masyarakat yang hidup ini.

Malek Bennabi melihat bahawa masyarakat ini terdiri daripada dua asal usul. Yang pertama adalah masyarakat primitif atau semula jadi (*natural*) iaitu masyarakat yang tidak pernah berubah dari segi zahir sifat dan personalitinya semenjak terjadinya masyarakat tersebut. Mereka digelar oleh Bennabi sebagai masyarakat '*ahistorical static group*'. Masyarakat ini adalah masyarakat yang tidak mengalami sebarang perubahan atau transformasi yang serius dalam sejarah manusia kerana mereka tidak ubah seperti makhluk biologi seperti haiwan. Manusia bagi Bennabi adalah makhluk

sosial. Baginya keadaan manusia dan persekitaran sosial manusia akan memberikan impak kepada individu dan membantunya sama ada berkembang atau mundur (Benlahcene, 2011). Bennabi membahagikan asal usul masyarakat kepada dua iaitu masyarakat *natural* atau *primitive* dan masyarakat *historical*. Masyarakat primitif atau *natural* adalah masyarakat yang tidak berubah secara ketara karekteristik personaliti mereka semenjak mereka mula wujud contohnya masyarakat Afrika sebelum penjajahan dan masyarakat Arab semasa era jahiliyah. Contoh lain adalah masyarakat yang berada dalam keadaan semula jadi seperti masyarakat yang muncul sebelum revolusi pertanian dan zaman Neolitik. Golongan daripada kategori pertama ini tidak membawa sebarang beban sejarah terhadap sejarah dunia dan hanya hidup untuk misi penerusan kehidupan masing-masing sahaja.

Idea masyarakat *ahistorical* ini juga turut diperkatakan oleh Oswald Spengler (1991) yang dikenali melalui bukunya *Decline of the West*. Masyarakat *ahistorical* adalah masyarakat yang hanya terperangkap dalam arus sejarah. Masyarakat *ahistorical* ini dilihat sebagai mereka yang tidak mempunyai kesedaran sejarah dan masyarakat yang terperangkap dalam arus sejarah ini dilihat tidak mempunyai kesedaran sejarah kehidupannya.

Yang kedua adalah masyarakat digelar '*historical dynamic groups*'. Masyarakat ini adalah masyarakat yang telah berubah dengan transformasi misi kehidupan mereka dalam membawa beban sejarah. Keduanya adalah masyarakat yang lahir daripada mereka yang meminjam dan menggunakan sebahagian atau kesemua elemen yang menjadikannya manusia daripada masyarakat yang lain. Contoh bagi masyarakat ini adalah seperti masyarakat Amerika Syarikat yang terdiri daripada koloni Eropah yang datang pada abad ke-16 dengan pelayaran Columbus. Kemudian Eropah membina koloni baharu dan meminjam elemen Keeropahan dan membina masyarakat baharu di Amerika Syarikat daripada elemen Keeropahan ini. Bagi masyarakat *historical* pula mereka mempunyai dua pecahan iaitu dalam jenis geografi dan ideologi. Golongan ini menjadi minat utama dalam kajian Bennabi tentang asal usul masyarakat (Bennabi, 2002). Takrifan masyarakat menurut Bennabi adalah;

A group of human beings which perpetually changes its social features by creating itself the means of change and which perceives the objectives it seeks to achieve through such a process of change. Furthermore, he stated that human groups acquire the quality of society when it starts moving, when it begins changing itself in order to achieve its goals. This event coincides, in the historical perspective with the moment when civilization emerges. (Bennabi, 2002)

Terjemahan: Satu kelompok manusia yang sentiasa berubah dari segi ciri-ciri sosialnya dengan mencipta sendiri alat untuk perubahan tersebut, dan yang menyedari matlamat-matlamat yang ingin dicapainya melalui proses perubahan itu. Tambahan pula, beliau menyatakan bahawa sesuatu kelompok manusia memperoleh sifat sebagai sebuah masyarakat apabila ia mula bergerak, apabila ia mula mengubah dirinya demi mencapai matlamatnya. Peristiwa ini, dari sudut pandang sejarah, bertepatan dengan saat kemunculan tamadun. (On the Origin of Human Society, Bennabi, 2002)

Masyarakat seharusnya dilihat sebagai satu objek yang akan berkembang dalam satu kitaran seperti mana umur seorang manusia. Perkembangan ini terdiri daripada tiga peringkat umur berdasarkan tiga peringkat alam menurut Malek Bennabi (2006). Tiga alam itu adalah alam objek ('*alam al-Asykhah*'), alam individu ('*alam al-ashya*') dan terakhir sekali alam idea ('*alam al-Afkar*'). Dalam kejatuhan peradaban, Bennabi melihat bahawa masyarakat ini telah menjadi masyarakat

pascaperadaban dan telah kehilangan kebolehan untuk mensintesis peradaban. Dalam kejatuhan peradaban ini masyarakat akan hilang panduan, semangat serta ketumbukan untuk bergerak ke hadapan. Fasa ini bagi Bennabi berbeza dengan fasa prakebangkitan iaitu dalam kejatuhan peradaban masyarakat itu masih bergerak namun dalam keadaan yang membinasakan sekelilingnya.

Di dalam kejatuhan peradaban, masyarakat akan lebih mengumpulkan kekayaan material dan memenuhi hawa nafsu. Juga ketika kejatuhan peradaban, tindakan akal tidak lagi mampu mengawal alam kebendaan sehingga keadaan dengan adanya material yang banyak masyarakat tidak mampu melakukan apa-apa. Ini dijadikan contoh oleh Bennabi dalam membandingkan masyarakat yang baru bangkit seperti ketika Jerman yang diserang di Dresden tetapi mampu bangkit segera kerana alam ideanya masih memandu alam objeknya. Berbeza dengan Timur Tengah yang rata-ratanya dibelenggu oleh keadaan keruntuhan jaringan sosial pasca-Muhawiddun ini sehingga tidak mampu segera bangkit seperti Jerman. Keruntuhan jaringan sosial ini mengakibatkan ketidakmampuan untuk bertindak secara bersepadu (Bennabi, 2006).

5.2 Penyimpangan Idea Keagamaan dari Keasliannya

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Bennabi melihat bahawa manusia adalah secara semula jadinya adalah makhluk beragama. Berbeza dengan takrifan umum manusia seperti di dalam Aristotelianisme iaitu manusia secara semula jadinya adalah makhluk rasional. Ini kerana Bennabi melihat semua dasar dan keadaan manusia secara asalnya mempunyai kecenderungan beragama dan membezakannya dengan makhluk yang lain. Kesimpulan dan kecenderungan Bennabi dalam pembentukan makna manusia ini membina ideanya berkenaan kejatuhan peradaban yang berdirinya manusia dan masyarakat. Idea keagamaan seterusnya membentuk tiang-tiang peradaban dan menjadi *oeuvre civilisatrice* (proses pemeradaban) ini. Tanpanya, peradaban tidak dapat terbentuk dengan sintesis antara manusia, tanah dan masa dengan idea keagamaan yang menjadi pemangkinnya. Bagi Bennabi peradaban lampau wujud dengan bayangan kuil-dan tempat ibadat seperti kuil Nabi Sulaiman dan Ka'bah. Malah segala aspek dunia ini dibayangi oleh idea keagamaan seperti misalnya undang-undang sivil Perancis yang meminjam dari agama Islam.

Kejatuhan peradaban bagi Bennabi akibat dari kesan kehilangan pengaruh idea keagamaan ini. Kehilangan pengaruh idea keagamaan ini mengakibatkan peradaban kehilangan pegangan moral untuk bertapak bagi meneruskan perjalanannya. Idea keagamaan ini membolehkan manusia mengatasi sebarang cabaran dihadapi oleh peradaban tersebut mirip apa yang dikatakan oleh Toynbee dalam tesisnya *Challenge and Response*. Idea keagamaan ini membolehkan peradaban itu bertindak balas dalam perjalanannya. Dalam sejarah peradaban Islam, Bennabi melihat fasa antara peristiwa Siffin (657) dan kejatuhan kerajaan Muwahhidun (1269) sebagai fasa idea keagamaan ini berjaya menolak peradaban Islam berada di kemuncak peradaban. Fasa pasca *Muwahhidun* ini dibayangi oleh beban manusia *disintegrated man* yang tidak berupaya mentransformasi peradaban untuk bermula dan bangkit.

5.3 Kebolehan Untuk Dijajah (*Colonizability*)

Qabiliyah Li Isti'mar atau *Colonizability* merupakan terma yang digunakan oleh Malek Bennabi dalam menggambarkan keadaan apabila sesuatu kumpulan masyarakat itu yang sedang mundur. Bennabi melihat sesuatu penjajahan yang berlaku bukan sebuah sebab tetapi adalah natijah kepada sebuah proses iaitu kejatuhan. Istilah ini bukan sahaja menggambarkan masyarakat Islam tetapi merupakan satu hukum yang boleh dilihat dalam masyarakat lain yang mempunyai penyakit yang sama. Masyarakat ini akan terdedah kepada keadaan mereka mudah dijajah oleh penjajahan. Keadaan ini bagi Bennabi adalah sebuah proses dan hasil daripada keadaan kejatuhan yang sedang dihadapi oleh sesebuah masyarakat terutama umat Islam yang sedang diteliti oleh beliau.

Pandangan Bennabi ini mirip Albert Memmi (2023) yang melihat golongan terjajah merupakan keadaan masyarakat yang berpenyakit malah keadaan dinamika masyarakat secara dalaman mereka tidak mampu melahirkan struktur yang baharu. Namun Memmi mempunyai sedikit perbezaan di mana beliau melihat bahawa punca keadaan dan proses ini adalah akibat daripada pendedahan bersama dengan penjajah sebagai titik utama kerosakan. Keadaan pascapenjajahan juga dilihat Bennabi masih mempunyai keberadaan *colonizability* ini.

Dalam kejatuhan peradaban ini masyarakat mengambil dan meminjam elemen luar daripada peradabannya. Berbeza dengan ketika zaman Andalus dan Abbasiyyah itu, ketika dalam era pasca-Muwahhidun ini mereka meminjam objek dan kebendaan tanpa memahami roh di sebalik objek tersebut (Bennabi, 1987). Misalnya masyarakat Islam di negara yang dijajah ketika ingin membangunkan sekolah mereka bukan sahaja meminjam alat tetapi membangunkan pendidikan berasaskan sistem serta idea kolonial. Segala kandungan pemikiran dan falsafah kolonial itu akhirnya masih berbekas di dalam alam idea serta pemikiran masyarakat (Bennabi, 1987).

Walaupun bangunan serta bilik pengajian adalah binaan baharu tetapi silibus serta pemikirannya masih dibelenggu oleh keadaan manusia pasca-Muwahhidun. Seterusnya generasi yang terdidik dan terhasil masih sarat dibebani oleh keadaan manusia pasca-Muwahhidun. Keadaan ini menjadikan masyarakat yang terdidik ini masih lagi berada dalam keadaannya untuk dijajah (Bennabi, 1984). Kesan *colonizability* ini mengakibatkan masalah *inferiority complex* dan pemusnahan diri sendiri dalam merosakkan dalaman jiwa dan pemikirannya. Kesan pemikiran ini menyebabkan diri masyarakat dan manusia itu terbelenggu dengan idea yang mati (*al-afkar al-mayyitalah*) dan hanya akan melihat serta mencari idea yang toksik (*al-afkar al-qatilah*).

5.4 Krisis Kebudayaan dan Idea

Bennabi melihat bahawa dalam proses kejatuhan peradaban pasca *Muwahhidun*, terdapatnya sifat dan fenomena yang membolehkan umat Islam dijajah. Yang pertama ialah sifat lebih banyak bicara daripada bekerja. Kedua, sifat menganggap diri sudah sempurna kerana Islam sudah sempurna. Ketiga ialah sikap menggagungkan masa lalu. Keempat, sifat sukakan perdebatan yang panjang. Terakhir adalah pemikiran *atomisme* iaitu satu cara fikir yang melihat realiti secara terpisah-pisah dan tidak holistik menurut Bennabi. Kelima budaya ini perlu dihapuskan bagi mencapai prasyarat kebangkitan dan menolak sifat manusia pasca Muwahhidun (Bennabi, 1984). Sifat pasca Muwahhidun ini jika tidak dihapuskan boleh mengakibatkan masyarakat Islam terus dijajah dan berada dalam kemunduran.

Bennabi melihat kebudayaan masyarakat ini akan mula mengalami krisis apabila berlaku kerancuan (*inchorence*) di antara *Impressed* dan *Expressed Idea*. Apabila masyarakat tidak lagi mempunyai hubungan daya kreatif dengan *archetype* idea asal sesebuah masyarakat, maka masyarakat tidak akan lagi melahirkan idea yang berfungsi berasaskan identiti masyarakat. Idea memainkan peranan penting dalam pergerakan peradaban dalam sejarah bagi Bennabi. Bennabi seperti yang dinyatakan sebelum ini membahagikan alam idea kepada dua iaitu *impressed* dan *expressed idea*. Idea dalam peradaban mula rosak apabila *Impressed Idea* atau landasan dan ruh kepada peradaban itu telah mula lari dari asal akarnya. Petanda krisis ini mula berlaku apabila *Expressed Idea* itu tidak lagi merefleksi kepada idea asal atau *Impressed Idea*. (Bennabi, 2003).

Bennabi melihat bahawa manusia pasca *Muwahhidun* ini akan terus membawa idea yang telah mati (*al-afkar al-mayyitalah*) dan idea yang toksik (*al-afkar al-qatilah*) dalam pewarisan kepada generasi dunia Islam yang seterusnya. Dua fenomena kesan manusia pasca *Muwahhidun* yang lahir dari era pasca peradaban adalah *personification* dan *chosesisme* menurut Bennabi (2003). Fenomena

choseisme dimaksudkan oleh Bennabi disini adalah satu fenomena mengangkat personaliti atau figure tertentu sebagai satu penyelamat kepada peradaban. Pemikiran *choseisme* ini terdapat persamaan dengan idea *Heroes Worship* oleh Thomas Carlyle (1795-1881). Idea ini melihat bahawa sejarah ditentukan oleh individu yang luar biasa dalam sejarah (Carlyle, 1993). Idea dan budaya mengangkat hero atau persona ini yang dikritik oleh Bennabi sebagai masalah di dalam krisis kebudayaan. Di satu pola lagi adalah fenomena kebendaan yang melihat pinjaman material dari luar akar peradaban itu sebagai jalan kebangkitan dan kemajuan peradaban. Istilah lain yang digunakan bagi menggambarkan fenomena ini juga ialah *Ersatz Idea* (Bennabi, 2003). Fenomena ini menurut Bennabi dapat dilihat semenjak dua abad sebelum zamannya di mana idea yang mati ini mendatangkan lebih banyak idea yang lebih berbahaya. Menurut Bennabi krisis kebudayaan ini ialah natijah akhir begi keruntuhan peradaban.

6.0 PASCA MUWAHHIDUN DAN REALITI SEJARAH PASCA MUWAHHIDUN

Every civilization has a beginning date; it uses the rise of a divine inspiration or a mythology as the basis of its initiation. The history of Islam begins with the divine inspiration. This event became the inception of the developments that will change the faith of this world and the beginning of a new civilization. These people, who were stuck in Arabia sub-continent and had perception of 24 hours only, stepped into the stage of history with the revelation of divine inspiration and played the most active role in the history of earth through the next fourteen centuries. (Bennabi, 1992)

Bennabi menjelaskan bahawa setiap peradaban mempunyai permulaannya dan titik permulaan peradaban menggunakan asas ketuhanan dan mitologi bagi asas permulaan. Bagi Bennabi, sifat peradaban ini menjadikan seseorang itu sedar akan sejarah dirinya dan masa hadapan. Maka manusia akan berada dalam keadaan kejatuhan apabila peradaban tidak lagi memberikan pengaruh serta menggerakkan kemajuan masyarakat dalam sejarah manusia (Demirci, 2016).

Bagi Bennabi, abad ke 13 adalah permulaan era kejatuhan peradaban Islam yang diberi nama Pasca *Muwahhidun*. Era Pasca *Muwahhidun* ini merujuk kepada zaman kerajaan *Muwahhidun* (1121-1269) dalam era Andalus iaitu Spain masa kini. Era Andalus (711-1492) adalah satu era yang mempunyai pengaruh besar dalam sejarah Islam. Era Andalus juga memberikan pengaruh kepada zaman Renaissance di Eropah dengan perkembangan sains dan teknologi yang memberikan pelbagai manfaat kepada manusia sejagat (Saliba, 2007). Cerapan Bennabi terhadap konsep kitaran peradaban mempunyai persoalan mengenai realiti sejarah yang berlaku. Abdul Halim ‘Uways(1987) membuat kritikan terhadap Bennabi dalam meletakkan kebangkitan peradaban dan titik perubahan ke fasa kemuncak peradaban pada peristiwa Siffin. Bagi ‘Uways setiap fasa dalam sejarah Islam mempunyai peristiwa Siffin yang tersendiri berupa pergelutan politik akan terus berlaku dan memberikan kesan dalam sejarah (‘Uways, 1987). Hakikatnya, dalam sejarah peradaban Islam semenjak zaman sahabat telah berlaku banyak khilaf politik dan saling berbunuhan berkenaan isu khilafah pentadbiran umat Islam (al-Khatib, 1993). Dalam beberapa situasi lain juga, Bennabi seolah-olah bercanggah dengan dirinya di mana teori beliau menyatakan asas penggerak sejarah peradaban itu adalah agama. Namun, dalam penulisan beliau di tempat-tempat yang lain seolah-olah menolak lonjakan agama dalam kelahiran masyarakat dan tamadun baharu selepas *Muwahhidun* (Bennabi, 2001)

وما كان لأي معوض زمني أن يقوم خلال التاريخ مقام المنبع الوحيد للطاقة الإنسانية ، ألا وهو : (الإيمان) . ولذا لم تستطع (النهضة التيمورية) التي ازدهرت في القرن الرابع عشر حول مغاني سمرقند ، أو الإمبراطورية العثمانية ، كلاهما أن تمنح العالم الإسلامي (حركة) لم يعد هو في ذاته يملك مصدرها .

Dan tiada pengganti sementara sepanjang tempoh sejarah yang mampu menggantikan keunikan sumber tenaga manusia iaitu iman. Tidak juga Timurid Renaissance yang berkembang di abad ke 14 di Samarqand ataupun Empayar Uthmaniyyah yang mana kedua-duanya tidak mampu memberikan kekuatan penggerak kepada dunia Islam yang tidak lagi mempunyai sumber dalaman asal usulnya. (Bennabi, 1986)

Pernyataan Bennabi ini sedikit bertentangan dengan pandangan beliau bahawa sesebuah peradaban bermula dengan keimanan dan anjakan agama. Sedangkan *Timurid Renaissance* dan Uthmaniyyah kedua-duanya turut didayakan oleh asas agama yang menggerakkan masyarakat tersebut ke dalam sejarah peradaban dunia. Marhsall G.S Hodgson (1977) menyanggah penulisan yang melihat era abad ke 13 dan 14 sebagai satu era kejatuhan peradaban Islam. Beliau melihat era ini adalah fasa krisis dan pembaharuan peradaban Islam. Baginya walaupun terdapat ketidakstabilan politik di era ini dengan serangan Mongol dan kekalahan di Andalus, tetapi masyarakat dan budaya kehidupan tetap stabil (Hodgson, 1977). Malah, pada abad ke-16 pula boleh diumpamakan seolah-olah seandainya seorang mahkluk asing yang hadir ke bumi ketika itu pasti menyangka bahawa seluruh dunia adalah muslim (Hodgson, 1993). Keadaan ini, menurut Hodgson, sangat terkesan dengan daya tenaga budaya Islam ketika itu yang dinamik dan berkembang.

6.1 Andalus

Bennabi melihat kepada era *Muwahhidun* sebagai titik perpisahan dari era kegemilangan Islam dan permulaan kepada kejatuhan peradaban. Bennabi menggambarkan kemampuan idea peradaban tidak lagi mampu melonjak dan menjana kecemerlangan sosial sehingga hasil sains tidak lagi berguna (Bennabi, 2001). Namun, Brian Catlos menunjukkan bahawa mereka yang berpandangan budaya intelektual berakhir ketika fasa selepas Muwahhidun sebagai satu *oversimplification* atau simplistik (Catlos, 2018). Era pasca *Muwahhidun* memperlihatkan satu perkembangan yang besar dalam dunia sastera, falsafah dan sains. Pemikir dan penulis seperti Ibn Rushd, Ibn Tufayl (1105-1185), Nūr al-Dīn ibn Ishāq al-Biṭrūjī (1204), Abū Marwān ‘Abd al-Malik ibn Zuhr (1094-1162) muncul. Mereka ini juga dikenali ramai kerana memberikan impak dalam pemikiran falsafah, ilmu falak, sastera dan terkesan dengan falsafah *Aristotelianism* (Catlos, 2018). Era pasca *Muwahhidun* terus berlangsung dengan kelahiran kebudayaan, kesenian dan intelektualism seperti permulaan pembinaan kota Al-Hambra pada 1238 (Catlos, 2018).

6.2 Uthmaniyyah

Era pasca *Muwahhidun* juga memperlihatkan kelahiran sebuah peradaban Islam di tanah Anatolia iaitu Turkiye masa kini, yang bermula pada tahun 1299. Osman Ghazi (1258-1326) telah mengasaskan kerajaan Uthmaniyyah yang bermula di Söğüt, Turkiye. Dalam mengasaskan Uthmaniyyah ini, Paul Wittek menjelaskan kebangkitan peradaban ini bermula berasaskan dengan semangat keagamaan yang dinamakan *Gaza* iaitu mereka yang berjuang kerana agamanya. Teori ini

malah menolak dakwaan bahawa kerajaan Uthmaniyyah itu diasaskan oleh kerana semangat barbarisme dan material (Witteck, 2015). Realiti ini dilihat bertentangan dengan kenyataan Bennabi bahawa era ini merupakan era disintegrated man yang mana agama tidak lagi mampu melonjak manusia di dalam peradaban.

Selain itu, pandangan Bennabi dalam menyatakan kedudukan masyarakat pasca *Muwahhidun* yang tidak mampu melahirkan mana-mana individu yang cemerlang seperti masyarakat Islam awal juga dilihat sebagai satu masalah dalam analisis sejarah. Di Uthmaniyyah, persekitaran serta kapasiti masyarakat yang makmur melahirkan pemikir seperti Kâtip Çelebi (1609-1657), Mehmed Ebüssuûd Efendi (1490-1574), Ibn Hajar Haythami (1503-1566), Ali al-Qushji (1403-1474), Kemalpaşazâde (1468-1533), Shihab al-Din al-Ramli (1550), Abd al-Wahhab al-Sha'rani (1493M-1565M), Mimar Sinan (1490-1588). Mereka semua ini berjaya mengesani masyarakat serta menunjukkan landskap intelektual masyarakat Islam era pasca Muwahhidun yang masih berkembang pesat. Idea Bennabi mengenai kekakuan aktiviti saintifik pada era pasca Muwahhidun ini berkemungkinan dipengaruhi oleh pembacaan beliau dari buku *Modern Trends in Islam* oleh H.A.R Gibbs. Maka difahami bahawa keterhadan pembacaan mengenai sejarah saintifik dan perkembangan keilmuan di Uthmaniyyah dan Parsi membentuk pemikiran Bennabi mengenai kekakuan dan kejatuhan peradaban Islam.

7.0 KESIMPULAN

Pemikiran Malek Bennabi mengenai konsep kejatuhan peradaban memberikan kerangka yang meluas bagi memahami faktor-faktor yang membawa kepada kejatuhan peradaban Islam, khususnya dalam era pasca-*Muwahhidun*. Berpegang dengan falsafah sejarah spekulatif, Bennabi menekankan pentingnya interaksi antara alam manusia, alam idea, dan alam objek sebagai asas kepada dinamik peradaban. Beliau mengenal pasti faktor-faktor seperti keretakan kohesi hubungan sosial, penyimpangan nilai agama, dan kebolehan untuk dijajah (*Qabiliyah Lil Isti'mar*) sebagai penyebab utama kepada kemerosotan dan stagnasi dunia Islam. Walau bagaimanapun, analisis kritikal terhadap pandangan Bennabi menunjukkan beberapa keterbatasan apabila dibandingkan dengan realiti sejarah. Pencapaian kehidupan kebudayaan dan intelektual di Andalus pada era pasca *Muwahhidun* serta era Uthmaniyyah mencabar naratif Bennabi mengenai stagnasi total selepas era Muwahhidun. Ini sekaligus menunjukkan keperluan untuk perspektif yang lebih seimbang terhadap analisis faktor kejatuhan peradaban dalam perspektif Bennabi. Sumbangan Bennabi kekal signifikan dalam menawarkan pendekatan pemikiran yang holistik terhadap analisis peradaban, dengan penekanan kepada pembaharuan spiritual dan intelektual sebagai asas untuk menangani cabaran moden. Idea beliau menggalakkan penilaian semula naratif sejarah dan menawarkan panduan berharga untuk menghidupkan semula peradaban Islam melalui pengukuhan prinsip asasnya dan penyelesaian kepada krisis sosio-budaya semasa.

Penghargaan

Penghargaan besar diberikan kepada barisan penyelia di Universiti Islam Selangor, Prof Madya Dr Norsaleha Mohd Salleh, Prof Madya Dr Syarul Azman Shaharuddin dan Dr Rosli Mokhtar yang membantu dalam memberikan panduan kajian ini disiapkan. Juga penghargaan kepada Prof Dr Mohamed el-Tahir el-Messawi pensyarah Department of Fiqh and Usul al-Fiqh dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang telah mencadangkan kepada saya untuk menelaah pemikiran Pasca-*Muwahhidun* Malek Bennabi berdasarkan aspek penilaian realiti sejarah peradaban Islam.

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Senarai Rujukan

- Abdul Rahman Haji Abdullah. (2000). *Wacana falsafah sejarah : perspektif barat dan timur* (Ter. 1). Utusan.
- Abu-Lughod, I. A. (1963). *Arab rediscovery of Europe : a study in cultural encounters* (New edition). Saqi Books.
- Abu-Rabi', I. M. (1996). *Intellectual origins of Islamic resurgence in the modern Arab World*. State University of New York Press.
- Al-Omary, A. (2021). *Representing the West in the writings of Rifā'ah Rafī' Al-Taḥṭāwī, Muḥammad 'Abduh, and 'Abd Allāh Al-Nadīm* [Dissertation, UCL (University College London)].
- Al-Quraishiy, A., & Mohd Sofwan Amrullah. (1996). *Malik bin Nabi dan pergolakan sosial*. Yayasan Dakwah.
- Asad, Muhammad, 1900-1992. (2000). *This law of ours and other essays / Muhammad Asad*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Azmul, F. K., & Surtahman, N. A. (2021). Genesis Falsafah Sejarah Islam dan Perkembangannya Pasca Ibn Khaldūn. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 43, 37-49.
- Bennabi, M., & Ali, M. A. A. A. (1971). *Mushkilat al-Afkar Fi al-Alam al-Islami*.
- Bennabi, Malek. (1976). *Les grandes themes de la civilisation, de la culture, de l'ideologie, de la democratie en islam, de l'orientalisme / Malek Bennabi ; preface et annotations par Nour-Eddine Boukrouh. [Algiers?]* : O. Benaissa
- Bennabi, M., Bennabi, M., & Rashid, A. (1979). Islam in History and Society. *Islamic Studies*, 18(4), 281-297.
- Bennabi, M. (1984). *Mudhakkirāt shahid al-qarn: al-qism al-awwal al-tijl 1905-1930, al-qism al-tānī al-tālib 1930-1939*. Dār al-Fikr.
- Bennabi, M. (1986). *Wijhab al-'Ālam al-Islāmī*, 'Abd al-Shabūr Syāhīn (Terjemahan). Damascus: Dār al-Fikr
- Bennabi, M. (1986). *Shurūt al-Nahdah* (The Conditions of the Renaissance). Damascus: Dār al-Fikr.
- Bennabi, M., & RASHID, A. (1992). The Algerian Perspectives: Ideology. *Islamic Studies*, 31(4), 423-442.
- Bennabi, M., & Rashid, A. (1994). "The Algerian Perspectives": Orientalism. *Islamic Studies*, 33(1), 5–25.
- Bennabi, M., & RASHID, A. (1997). *The conditions of the renaissance*. *Islamic studies*, 36(4), 643-655.
- Bennabi, M. (1998). *A Muslim Theory of Human Society* (trans. Mohamed Tāhir El-Mesāwi). Selangor (Malaysia): Thinker's Library.
- Bennabi, M., & al-Masawī, M. T. (1998). *On the Origins of Human Society*. Open Press.
- Bennabi, M. (1999). *Islam in history and society (Vol. 71)*. Islamic Research Institute, International Islamic University.
- Bennabi, M., & Rashid, A. (2000). The conditions of renaissance. *Islamic studies*, 39(3), 463-470.
- Bennabi, M., & El-Mesawi, M. E.-T. (2001). *The Qur'anic phenomenon : an essay of a theory on the Qur'an*. Islamic Book Trust.
- Bennabi M. & El-Mesawi M. T. (2002). *On the origins of human society : the social relations network*. Islamic Book Trust.

- Bennabi, M. (2003). *The Question of Ideas in the Muslim World*, transi. ME El-Mesawi, Kuala Lumpur, Islamic Book Trust.
- Benlahcene, B. (2011). Malek Bennabi's Concept And Interdisciplinary Approach To Civilisation. *International Journal of Arab Culture, Management and Sustainable Development*, 2(1), 55-71.
- Benlahcene, B. (2013). *The Socio-Intellectual Foundations of Malek Bennabi's Approach to Civilization*. International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Benlahcene, B. (2016). Rethinking the Philosophy of History's Paradigm in Studying Civilization: An Analysis of Malek Bennabi's Critical Review. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 6(2), 1-17.
- Çalışır, M.F. (2011). *Decline Of A "Myth": Perspectives On The Ottoman "Decline"*.
- Catlos, B. A. (2018). *Kingdoms of faith : a new history of Islamic Spain* (First edition). Basic Books.
- Collingwood, R. G. (1956). *The idea of history*. Oxford Univ. Press.
- Davutoğlu, A. (1994). *Civilizational transformation and the muslim world*. Mahir Publications.
- Doren, C. V. (1967). *The idea of progress*. Frederick A. Praeger, Publishers.
- Draz, M. A. (2024). *AL-DIN : a prolegomenon to the study of the history of religions*. I B TAURIS.
- Herman, A. (1997). *The idea of decline in Western history*. Free Press.
- Hodgson, M. G. S. (1977). *The venture of Islam : conscience and history in a world civilization (Paperback edition)*. University of Chicago Press.
- Hodgson, M. G. S., & Burke, E. (1993). *Rethinking world history : essays on Europe, Islam, and world history*. Cambridge University Press.
- Hyvärinen, L., Walther, R., Jacob, N., Chaplin, K. N., & Leonhardt, M. (2014). Current Understanding of What Infants See. *Current Ophthalmology Reports*, 2(4), 142–149. DOI: <https://doi.org/10.1007/s40135-014-0056-2>
- Khaldun, I. (2015). *The Muqaddimah: An Introduction To History*-Abridged Edition. Princeton University Press.
- Khaṭīb, S. (1993). *Falsafat al-ḥadārah 'inda Malīk ibn Nabī: dirāsah Islāmīyah fī daw' al-wāqī' al-mu'āṣir*
- Koselleck, R., & Presner, T. S. (2002). *The practice of conceptual history : timing history, spacing concepts*. Stanford University Press.
- Memmi, A. (2021). *The colonizer and the colonized*. Profile Books Ltd.
- Patria, M. Y. (2020). *Colonialism and colonisability in Malik Bennabi's political thought*. Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia.
- Saliba, G. (2007). *Islamic science and the making of the European renaissance*. Mit Press.
- Sheehi, S. (2012). Towards a Critical Theory of al-Nahdah: Epistemology, Ideology and Capital. *Journal of Arabic Literature*, 43(2-3), 269-298.
- Stowasser, B. (1984). Ibn Khaldun's Philosophy of History : The Rise And Fall Of States And Civilizations. *Ankara Üniversitesi SBF Dergisi*, 39(01). DOI : https://doi.org/10.1501/SBFder_0000001442
- Sunar, L. (Ed.). (2016). *Debates on civilization in the Muslim world : critical perspectives on Islam and modernity* (First edition.). Oxford University Press.
- Syihab, U.(2003). *Agama dan peranannya dalam pembangunan peradaban : satu kajian tentang pemikiran Malik Bennabi ,1905-1973*. (Tesis, PHD) Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya

- Tahir El-Mesawi, M. (1998). A Muslim Theory of Human Society-An Investigation Into the Sociological Thought of Malik Bennabi. *Thinkers Library, Selangor Darul Ehsan*, 11.
- Toynbee, A. J. (1987). *A Study of History: Volume I: Abridgement of Volumes I-VI (Vol. 1)*. Oxford Paperbacks.
- Watt, W. M. (1973). *The Formative Period Of Islamic Thought*. University Press.
- Watt, W. M (1992), *A History of Islamic Spain*, Edinburgh University Press.
- Wittek, P. (2015). *The rise of the ottoman empire: studies in the history of turkey : 13th - 15th centuries*. Routledge.
- ‘Uways, ‘Abd al-Ḥalīm. (1998). *Tafsīr al-tārikh ‘ilm Islāmī*. al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’ lil-Ṭibā‘ah wa-al-Nashr wa-al-Tawzī‘.